

29/09/1997

Snap nafi presiden elak tanggungjawab

KUCHING, Ahad - Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) menafikan dakwaan, bahawa Presidennya, Datuk Amar James Wong Kim Min, 'mengelak daripada melaksanakan tanggungjawabnya' dengan lari ke luar negara ketika Sarawak diisytiharkan darurat jerebu.

Setiausaha Agungnya, Justine Jinggut, menjelaskan, Wong yang juga Menteri Alam Sekitar dan Perumahan Sarawak, secara kebetulan sedang bercuti sekarang.

"Beliau (Wong) ke luar negara bersama Datin Amar Wong pada 5 September kerana bercuti," katanya pada sidang akhbar di sini.

Pengisytiharan darurat jerebu di Sarawak diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mulai 19 September lalu.

Menurutnya, tuduhan dan khabar angin yang mengatakan Wong sengaja melarikan diri adalah tidak berasas sama sekali dan ia sengaja disebarkan untuk memburukkan nama baik presiden parti itu.

Katanya, Wong tidak lari daripada tanggungjawab dan ketiadaannya tidak bermakna beliau mengabaikan tugasnya.

"Sebaliknya, beliau (Wong) sentiasa menghubungi pemimpin parti dan kerajaan negeri dari semasa ke semasa untuk mengetahui perkembangan terkini di Sarawak," katanya.

Justine berkata, Wong memang sering memilih bulan September untuk mengambil cuti rasminya sejak beberapa tahun lalu.

Lagipun katanya, semua permohonan cuti menteri diluluskan oleh Kabinet dan sebagai manusia biasa, beliau juga perlu berehat.

Beliau berkata, Wong dijangka pulang tidak lama lagi kerana dijadualkan menghadiri dialog dengan ahli Snap di Marudi pada 4 Oktober ini.

Dialog berkenaan bertujuan membincangkan masalah yang dihadapi parti di peringkat bahagian dan cawangan serta mengenal pasti bidang yang boleh mengeratkan lagi kerjasama antara Snap dengan parti-parti komponen BN negeri lain.

(END)